

# Gaji polis perlu di atas garis kemiskinan

WM-19/9/2006  
PUTRAJAYA 18 Sept. - Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, gaji anggota polis berpangkat konstabel sehingga Asisten Komisioner (ACP) perlu dinaikkan supaya mereka terutama yang tinggal di bandar besar, tidak berada di bawah garis kemiskinan.

Beliau berkata, tangga gaji bagi seorang konstabel sekitar RM650 sebulan adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan garis kemiskinan di bandar besar seperti Kuala Lumpur yang ditetapkan di bawah RM1,500 sebulan.

Beliau bagaimanapun berkata, cadangan tersebut tidak bermakna beliau menetapkan gaji anggota polis berkenaan perlu melebihi RM1,500 sebulan.

"Ia perlu disesuaikan agar usaha kerajaan memerangi masalah rasuah dan meningkatkan prestasi kerja dalam kalangan anggota polis akan lebih berkesan.

"Tetapi saya faham bahawa apa yang kita pohon atau cadangkan itu tidak boleh membebankan kerajaan kerana kerajaan mempunyai ramai pekerja yang perlu diberi perhatian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KDN), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof menyampaikan sumbangan bernilai RM60,000 kepada keluarga Allahyarham Konstabel Mohd. Fakharudin Zakaria di sini, hari ini.

Sebelum ini, Musa berkata, beliau telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya menaikkan gaji polis berpangkat konstabel sehingga ACP kerana gaji mereka sekarang terlalu rendah dan tidak berbaloi dengan tugas yang dipikul.

Cadangan itu disokong oleh semua pihak termasuklah KDN sendiri dan dua persatuan polis, Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor (PPK-PCI) dan Persatuan Polis Pangkat Rendah (PPPR).

Musa memberitahu, gaji permulaan anggota polis berpangkat konstabel yang hanya RM650 sebulan itu juga dilihat bukan hanya tidak sejajar dengan kelulusan mereka bahkan akan mengurangkan minat mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.